

20/12/1999

Fitnah, masalah dalaman: Mahathir (HL)

Zulkofli Jamaludin; Azman Abdul Hamid

KUALA LUMPUR, Ahad - Fitnah dan pembohongan yang disebarikan Pas serta masalah dalaman parti adalah antara faktor menyebabkan undi diperolehi Umno berkurangan dalam pilihan raya umum lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dalam kempen pilihan raya lalu Pas mendakwa kononnya beliau tidak mengiktiraf ulama dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad pula adalah penternak babi.

"Ada juga surat palsu yang dikeluarkan oleh Pas, umpamanya watakah pelantikan calon Barisan Nasional (BN) dikeluarkan oleh Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dengan menggunakan kertas (kepala surat) Umno.

"Sebenarnya, semua watakah dikeluarkan oleh saya atas nama Barisan Nasional. Tidak ada watakah yang dikeluarkan oleh Khalil dan tandatangan (pada watakah) bukan tandatangannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tertinggi (MT) Umno selepas pilihan raya umum di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Turut hadir kedua-dua Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak; Mohd Khalil; Bendahari, Tun Daim Zainuddin dan Ketua Penerangan, Datuk Dr Yusof Nor. Perdana Menteri berkata, Pas juga menyebarkan fitnah kononnya beliau membina gereja di atas tanahnya dan pembohongan itu disebarikan di semua masjid.

Katanya, parti itu juga menyebarkan surat beliau kononnya kepada Perdana Menteri Israel, Ehud Barak, menggunakan kertas yang mempunyai logo Kerajaan Persekutuan sedangkan tandatangan itu bukan tandatangannya.

Selain fitnah dan pembohongan parti pembangkang, Dr Mahathir berkata, kempen Umno turut terjejas kerana ada penyokong Umno terlalu setia kepada individu tertentu hingga tidak dapat menerima pemilihan orang lain sebagai calon.

"Kita dapati dalam pilihan raya baru-baru ini, ada orang yang terlalu setia kepada individu tertentu hingga apabila orang lain dipilih menjadi calon, jentera parti gagal berfungsi," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam mesyuarat itu pelbagai cadangan dikemukakan oleh ahli untuk mengatasi masalah berkenaan dan MT akan mengambil perhatian serta mengkaji apa yang boleh dilakukan.

Mengenai ahli yang belot dalam pilihan raya lalu, beliau berkata, MT ada membincangkan perkara itu dan menyerahkan kepada Jawatankuasa Pengurusan untuk meneliti masalah berkenaan.

Ditanya mengenai tarikh Perhimpunan Agung Umno, beliau berkata, perkara itu sepatutnya dibincangkan tetapi ditangguhkan.

Perdana Menteri berkata, MT akan mengadakan mesyuarat dua kali sebulan mulai hari ini bagi membolehkannya membincangkan lebih banyak perkara.

"Kita biasanya mengadakan mesyuarat sebulan sekali, tetapi oleh kerana kita ada banyak perkara yang tidak dibincang semasa mesyuarat MT, sebab itu kita berpendapat ada maknanya diadakan mesyuarat lebih kerap," katanya.

(END)